

Rujukan : UKM KPD/262/3

Tarikh : 4 Januari 2017

Semua Pelajar
Program Prasiswazah
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

MAKLUMAT PENTING SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2016-2017

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan semester 2 sesi akademik 2016-2017 akan bermula **13 Februari 2017**. Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan perjalanan proses pembelajaran semester hadapan maka disenaraikan perkara penting untuk makluman dan peringatan bersama.

1. **PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2016-2017**

Saudara/i boleh mendaftar kursus bermula **11 Februari 2017**. Sila rujuk tarikh-tarikh penting semester 2 sesi 2016/2017 di laman web PKP sebagai panduan.

2. **JADUAL PERKULIAHAN**

Sila rujuk jadual perkuliahan di laman web PKP. Pelajar juga dinasihatkan menyemak jadual kuliah sebelum hadir ke kuliah untuk sebarang makluman terkini.

3. **YURAN PENGAJIAN**

Sila buat pembayaran yuran sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester sebelum **31 Januari 2017**. Kaedah pembayaran yuran boleh dirujuk pada Peraturan Am Kewangan Pelajar di muka utama laman web PKP. Pelajar boleh menyemak penyata kewangan menggunakan sistem KewPKP. Sistem ini boleh dicapai dari muka utama laman web PKP. Pengenalan dan katalaluan adalah sama dengan SMPE.

4. **UJIAN MUET SEBAGAI SYARAT PENGIJAZAHAN**

Pelajar program prasiswazah perlu lulus ujian MUET sebagai salah satu syarat pengijazahan. Bagi pelajar bermula sesi kemasukan 2013-2014 yang memperolehi keputusan MUET yang dikeluarkan sebelum tahun 2009, perlu mengambil semula MUET kerana telah tamat tempoh sah laku. Pelajar perlu mendapat keputusan MUET sekurang-kurangnya band 1. Bagi sesi kemasukan 2016-2017 pula, pelajar bagi semua fakulti perlu memperolehi keputusan

MUET sekurang-kurangnya band 2. Pelajar boleh menyemak status keputusan MUET di SMPE.

5. PENGECCUALIAN KURSUS


Pelajar program prasiswazah boleh memohon pengecualian kursus untuk Latihan Amali/Industri. Sila kemukakan permohonan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh fakulti masing-masing **melalui PKP**. Kelulusan adalah tertakluk kepada fakulti. Status pengecualian kursus boleh disemak di SMPE.

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada semester 1 sesi akademik 2016-2017.

Selamat maju jaya dalam menghadapi pembelajaran untuk masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROF DR NORHAMIDI MUHAMAD
Pengarah

-
- s.k. - Penyelaras Program
- Ketua Bahagian Pengurusan Akademik, PKP
- Ketua Bahagian Kewangan, PKP